

Ruj.Kami : ANM.PK.P/P.600-1/1/2 JLD.3(72 )  
Tarikh : 4 Julai 2019

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**MAKLUMAN BERKENAAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) TANPA PERUNTUKAN MELALUI ARAHAN PEMBAYARAN**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa bayaran BKK tidak lagi dibenarkan berbelanja melebihi peruntukan jika disediakan melalui Arahan Pembayaran di sistem iGFMAS. PTJ hendaklah memastikan peruntukan mencukupi terlebih dahulu sebelum memproses pembayaran di sistem iGFMAS. **Sehubungan itu, PTJ tidak perlu lagi menghantar surat permohonan kelulusan baucar bayaran tanpa peruntukan ke JANM Perak.**

3. Bagi pegawai-pegawai yang masih aktif di sistem HCM, PTJ bolehlah membuat bayaran BKK melalui sistem HCM jika peruntukan masih tidak mencukupi.

4. Segala kerjasama pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**PENGARAH  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERAK**